

# Projek Dayabumi: PM puas hati sikap kontraktor

JH 21 MAY 1983

**KUALA LUMPUR, Jumaat — Semua kontraktor yang memenangi tender projek-projek sistem siapguna Perbadanan Pembangunan Bandar (Uda) di masa depan dikehendaki mematuhi beberapa syarat tertentu, termasuk yang termaktub dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB).**

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Uda telah menyiapkan satu dokumen tender yang menyeluruh mengenai syarat dan peraturan itu hasil pengalaman yang ditimbanya daripada pelaksanaan projek Dayabumi.

## Sedang ditimbang

Beliau menerangkan, dokumen itu menjelaskan dengan terperinci apa yang perlu dilakukan oleh Uda dan kontraktor-kontraktor dalam melaksanakan projek-projek siapguna.

Di bawah garis panduan itu semua kontraktor asing yang memenangi tender mesti mendapatkan rakan kongsi tempatan.

Mereka juga dikehendaki mematuhi beberapa syarat rekabentuk, kejuruteraan dan keperluan perniagaan.

Datuk Seri Dr Mahathir menyatakan demikian dalam satu sidang akhbar selepas melancarkan pemasangan rerangka terakhir projek Dayabumi dan mendengar taklimat mengenai kegiatan Uda, di sini hari ini.

Beliau berkata, dokumen tender baru itu akan mula digunakan bagi fasa lima Kompleks Dayabumi iaitu pembangunan semula kawasan di sekitar Pasar Besar di sini.

Menurutnya, Kerajaan juga sedang menimbang kemungkinan menggunakan dokumen yang serupa bagi semua projeknya.

Tetapi, beliau menjelaskan, garis panduan itu adalah peraturan am sahaja dan terpulang kepada kontraktor-kontraktor yang memenangi tender untuk menetapkan perinciannya.

Dalam hubungan ini, beliau berkata, mereka bebas untuk menggunakan bahan-bahan tempatan atau mendapatkannya dari sumber-sumber sendiri.

Perdana Menteri berkata, Kompleks Dayabumi adalah projek pertama menggunakan sistem siapguna di negara itu dan lantaran itu, tidak banyak syarat dikenakan dalam dokumen-dokumen tendernya.

"Tetapi, dengan pengalaman yang ditimba, Uda telah menyediakan dokumen tender yang menyeluruh bagi semua projeknya di masa depan," ujarnya.

Beliau puas hati, walaupun tidak banyak peraturan dikenakan, kontraktor projek Dayabumi telah mematuhi syarat-syarat DEB.

Katanya, 30 peratus daripada tenaga kerja di projek itu adalah Bumiputera termasuk dua jurutera dan ramai pekerja mahir.

Di samping itu, beberapa syarikat tempatan turut diberi peluang menyertai projek itu sebagai kontraktor, pembekal dan sebagainya.

"Oleh itu adalah tidak tepat untuk menyatakan projek Dayabumi tidak memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor tempatan," jelasnya.